

KASA, SPAN diminta segera beri keputusan semakan tarif air

Oleh Nur Izzati Mohamad - Jun 10, 2022 @ 2:40pm



Chow Kon Yeow (kiri) diperhatikan Jaseni (tengah) menurunkan tandatangan simbolik perasmian Pusat Pentadbiran Loji Rawatan Air Sungai Dua, hari ini. - NSTP/Danial Saad

BUTTERWORTH: Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) diminta segera memberikan keputusan berhubung permohonan semakan tarif air yang dihantar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Ir Jaseni Maidinsa, berkata pihaknya masih menunggu keputusan berkenaan selepas menghantar permohonan itu sejak Mac lalu. Beliau berkata, semakan tarif air itu penting kerana ia antara cara bagi memastikan kapasiti bekalan air mentah di Pulau Pinang terjamin, sekali gus mendidik masyarakat menggunakan air secara berhemah.

"Ketika ini, tarif air domestik di Pulau Pinang adalah paling murah di negara ini dengan kadar 32 sen bagi setiap 1,000 liter berbanding purata di peringkat nasional iaitu 71 sen. "Disebabkan terlalu murah, kadar penggunaannya tinggi iaitu 308 liter perkapita sehari, iaitu lebih tinggi jika dibandingkan dengan Singapura yang hanya menggunakan 150 liter perkapita sehari.

"Jadi, kita melihat antara cara untuk memastikan masyarakat berjimat adalah dengan memohon semakan tarif air sebab terbukti di Singapura iaitu apabila air ada harga tertentu, penggunaannya menjadi kurang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Pusat Pentadbiran Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua yang disempurnakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, di sini, hari ini. Mengulas lanjut, Jaseni berkata, beliau berharap permohonan semakan itu tidak ditangguh lagi supaya semua operator air di negara ini dapat memberikan perkhidmatan terbaik dan mencapai penunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan.

"Dalam hal ini (semakan tarif air) semua negeri sudah menghantar permohonan, namun keputusannya tertangguh disebabkan pandemik COVID-19.

"Kita harap sangat perkara ini tidak ditangguhkan lagi kerana jika tidak prestasi perkhidmatan kita akan menurun. Bagaimana kita hendak memberikan perkhidmatan terbaik jika kita tidak mempunyai dana," katanya. Difahamkan, semakan terakhir berhubung tarif air di Pulau Pinang dilaksanakan pada 2015 sebelum PBAPP menghantar permohonan baharu pada 2019, namun keputusan semakan tertangguh berikutan COVID-19

Pada Mac lalu, PBAPP sekali lagi menghantar permohonan semakan semula tarif air, namun masih tidak mendapat sebarang jawapan sehingga kini.

Menteri KASA, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man sebelum itu dilaporkan berkata, pihaknya sedang membangunkan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) Air yang lebih adil dan telus untuk seluruh Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Katanya, di bawah mekanisme itu, tarif akan disemak yang menyaksikan ada pengguna perlu membayar kadar lebih tinggi, manakala mereka yang menggunakan jumlah air sedikit dan kumpulan B40 dikenakan kadar rendah atau percuma.

https://www.youtube.com/watch?v=HUWAUL_rSIQ&t=12s